



USAHA PUPUK PERPADUAN BERBILANG KAUM: Encik Iswaran (*tengah*); Zamil Penyelidikan Kanan IPS Dr Mathew Mathews (*kiri*); dan Anggota Jawatankuasa Pengurusan OnePeople.sg Cik Rahayu Mahzam melancarkan Siri Pendidikan Awam Mozek Etnik Singapura, sebuah inisiatif OnePeople.sg di forum semalam. – Foto BH oleh JONATHAN CHOO

Iswaran: Junjung budaya dalam identiti nasional

► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

MEMUPUK identiti Singapura yang kukuh tidak semestinya mere-mehkan warisan etnik dan budaya turun-temurun.

Sebaliknya, kedua aspek identiti ini bersangkut-paut dan boleh memperkukuh kedudukan masing-masing, kata Menteri Perhubungan dan Penerangan S. Iswaran.

“Sebagai contoh, warga Singapura bangsa Cina, Melayu dan India tahu dalam naluri masing-masing bahawa mereka mempunyai persamaan yang lebih serupa antara satu sama lain berbanding kaum Cina, India dan Melayu di China, India dan rantau ini,” kata Encik Iswaran.

“Sebaliknya, identiti nasional kita tidak lengkap jika kita tidak mem-

punyai pemahaman mendalam dan menghargai warga Singapura yang mengamalkan budaya yang berbeza daripada kita,” tambahnya.

Encik Iswaran berkata demikian, semalam, dalam ucapannya di Forum Institut Pengajian Dasar (IPS) – OnePeople.sg berkenaan identiti etnik dan budaya.

Merujuk kepada tinjauan identiti etnik yang dilakukan *Channelnews-Asia* dan IPS tahun lalu, Encik Iswaran berkata warga Singapura mampu berpegang kukuh kepada kedua identiti etnik dan identiti nasional.

Sejumlah 49 peratus peserta tinjauan berkata mereka melihat diri mereka, secara serentak, sebagai kedua warga Singapura dan anggota sebuah kaum etnik.

Ini berbanding dengan 35 per-

tus warga Singapura yang lebih melihat diri mereka sebagai warga Singapura dan lagi 14 peratus yang berkata mereka lebih melihat diri mereka sebagai anggota kaum etnik.

Namun, menurut Encik Iswaran, tinjauan yang sama juga mendapati bahawa walau kebanyakan peserta berminat mengalami budaya etnik berlainan seperti mencuba makanan atau bahasa kaum etnik itu, jumlah pertukaran dan penglibatan antara budaya adalah lebih rendah.

“Justeru, dasar kita untuk memupuk hubungan, pemahaman dan interaksi sosial antara orang dari latar belakang agama dan kaum berbeza kekal relevan penting,” kata Encik Iswaran.

“Kita perlu memastikan warga Singapura mendalami sekitaran berbilang kaum setiap hari dan kekal in-

gin tahu tentang budaya satu sama lain,” katanya.

Encik Iswaran turut menggariskan tiga cara untuk menjayakan projek memupuk hubungan berbilang budaya di peringkat individu, masyarakat dan antarabangsa.

Ini termasuk memupuk rasa keterhubungan melebihi identiti etnik, lebih banyak pergaulan antara kaum dan sebagai sebuah negara, memberi isyarat bahawa Singapura berpegang kepada komitmen menyokong kepelbagaian, sikap toleransi dan menentang perkauman.

Forum tahunan itu, yang diadakan di Kelab Grassroots di Ang Mo Kio, turut membincangkan topik seperti identiti etnik warga Singapura yang terus berubah, tradisi etnik dalam pembentukan identiti dan membina persepaduan dalam sekitaran berbilang etnik.